

26 MAR 1996

DRB-HICOM SEDANG MENCARI PENGGANTI NADZMI

Oleh: Zainab Md Yatim

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Kumpulan DRB-Hicom telah mengenal pasti beberapa orang calon untuk menggantikan Datuk Nadzmi Mohd Salleh sebagai pengarah urusan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), demikian diumumkan hari ini.

Kumpulan DRB-Hicom mempunyai kepentingan strategik dalam Hicom Holdings Bhd, syarikat induk Proton, melalui Gadek Malaysia Bhd.

Pengarah urusan Gadek Malaysia Datuk Mohd Saleh Sulong berkata kumpulan itu akan membuat pengumuman sebaik sahaja ia mendapatkan orang yang sedang dicari itu.

Menjawab pertanyaan pemberita pada satu persidangan berita, beliau berkata tiada rangka masa ditetapkan untuk memilih calon tersebut.

Beliau menambah kata bahawa orang yang dicari itu mungkin dari dalam atau luar kumpulan syarikat itu.

Ahad lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan perletakan jawatan Nadzmi, rakyat Malaysia yang pertama dilantik pengarah urusan Proton. -- BERNAMA

ZMY SIA